

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen Mohon, Aktif & Berbelanja dengan Kad Kredit/-i CIMB

1. Kempen Mohon, Aktif & Berbelanja dengan Kad Kredit/-i CIMB ("**Kempen ini**") dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] ("**CIMB Islamic**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic adalah secara kolektif dirujuk di sini sebagai ("**CIMB**").

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 1 Jun 2025 sehingga 31 Oktober 2025, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu mencukupi sebanyak empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini dibuka secara eksklusif kepada Pemohon "Baru-kepada-Kad" (pelanggan yang tidak memiliki kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB) yang memohon kad kredit utama baru CIMB yang dikeluarkan oleh CIMB (kecuali Kad Perniagaan Platinum dan Kad *Fuel Tanker*) semasa Tempoh Kempen ("**Peserta Yang Layak**");

Kategori-Kategori /entiti-entiti berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini: -

- (i) Individu di bawah umur 21 tahun pada masa permohonan; dan/atau
 - (ii) Pemegang kad kredit utama CIMB yang sedia ada; dan/atau
 - (iii) Pemohon Baru-kepada-Kad yang telah menyertai kempen pemerolehan kad kredit CIMB yang lain semasa Tempoh Kempen – dengan rujukan Klaus 6 disini; dan/atau
 - (iv) Pelanggan yang telah membatalkan kredit kad utama CIMB dalam masa enam (6) bulan dari Tempoh Kempen dan memohon semula kad kredit utama CIMB di bawah Kempen ini
5. Untuk tujuan Kempen ini, Peserta Yang Layak dikehendaki menghantar permohonan kad kredit semasa Tempoh Kempen dan permohonan kad kredit mestilah diluluskan oleh CIMB sebelum atau pada 7 November 2025.
 6. Kempen ini tidak terpakai bersama-sama dengan kempen CIMB Bank atau CIMB Islamic yang berkaitan pendaftaran/pemerolehan produk atau perkhidmatan lain yang sedang berlangsung atau masa hadapan, yang diadakan semasa Tempoh Kempen, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Mekanisme Kempen

7. Tertakluk kepada pemenuhan Klaus 4 sehingga Klaus 6 di atas, Peserta Yang Layak adalah berhak untuk menyertai Kempen ini dengan mengaktifkan kad kredit dan melakukan transaksi runcit "Transaksi Runcit

Layak” (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 8 dan Klausa 9 di sini) mengikut cara yang dijelaskan dibawah:

Jenis Pemegang Kad	Kriteria Kelayakan	Pulangan Tunai
Pemegang Baru Kad Utama	Aktifkan kad kredit dan belanjakan sepuluh (10) transaksi dengan perbelanjaan minimum RM 50 setiap transaksi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan	RM25

Tarikh Kelulusan Kad bermaksud tarikh seperti mana yang dinyatakan di dalam lampiran kad yang dihantarkan bersama dengan kad kredit CIMB kepada Pemohon. Untuk mengelakkan keraguan, setiap Peserta Layak berhak mendapat satu (1) kad kredit prinsipal CIMB baharu sahaja untuk tujuan pulangan tunai di bawah Kempen ini.

Tempoh perbelanjaan di atas hendaklah dirujuk sebagai “**Tempoh Kelayakan**”

Nota:

- i. Sekiranya Peserta Yang Layak memohon lebih dari satu (1) Kad Kredit Pemegang Utama, jumlah perbelanjaan yang dilakukan pada semua Kad Kredit Pemegang Utama hendaklah digabungkan dan tidak dilihat secara individu.
 - ii. Perbelanjaan daripada Kad Tambahan baharu (jika ada) tidak akan dikira ke dalam Kriteria Kelayakan
8. Transaksi Runcit Layak untuk Kempen ini bermaksud transaksi-transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk transaksi dalam talian, tempatan, dan/atau luar negara yang dicajkan kepada akaun kad kredit Peserta Yang Layak dalam Tempoh Kelayakan dan Tempoh Pengumpulan Penyertaan. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi-transaksi berikut juga dinyatakan secara nyata tidak termasuk dan tidak harus dianggap sebagai Transaksi Runcit Layak: -
- (i) Transaksi pendahuluan tunai /pengeluaran/deposit;
 - (ii) Transaksi yang dibuat pada Kad Platinum Perniagaan CIMB dan Kad Fuel Tanker CIMB;
 - (iii) Transaksi Kuasi Tunai - (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - (iv) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau mana-mana institusi kewangan atau pindahan dana daripada Institusi Kewangan lain
 - (v) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang fi, caj atau penalti sama ada yang dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
 - (vi) Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, atau sebarang transaksi-transaksi lain yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.
 - (vii) Transaksi dilakukan dalam negara yang merupakan anggota Komuniti Ekonomi Europah (EEC) atau Kesatuan Eropah (EU).

Apa-apa penentuan oleh CIMB tentang apa yang merupakan Transaksi Runcit Layak hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa-apa cara jua melainkan yang sama kelihatan terlampau tidak adil atau saksama.

9. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan dalam pengeposan Transaksi Runcit Layak kepada akaun kad kredit Peserta Yang Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pengeposan yang sama disebabkan oleh apa jua sebab dan bagaimana pun timbul termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan di pihak peniaga melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau kegagalan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab

terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa, MasterCard, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain kecuali yang sama disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau kegagalan CIMB.

Pemenuhan Kempen

10. Pulangan Tunai ("**Pulangan Tunai**") akan dikreditkan ke akaun Kad CIMB Peserta Yang Layak ("**Akaun CIMB**") dalam tempoh enam belas (16) minggu dari ketamatan Kempen.
11. Peserta Yang Layak akan menerima notifikasi Pulangan Tunai, jika ada, melalui penyata kad kredit masing-masing yang berikut selepas tarikh kredit Pulangan Tunai.
12. Peserta Layak hendaklah menghubungi CIMB jika tidak menerima Pulangan Tunai. Tiada permintaan untuk sebarang pertanyaan akan diproses selepas 31 Januari 2026.
13. Akaun Kad CIMB Peserta Yang Layak mesti sah dan mesti berada dalam kedudukan yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicaranya untuk layak menyertai semasa dan selepas Kempen dan/atau untuk memenangi Pulangan Tunai. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, Peserta Yang Layak membatalkan Kad CIMB atas apa jua sebab, penyertaannya dalam Kempen menjadi batal dan tidak sah dengan serta merta.
14. Sekiranya mana-mana Pulangan Tunai yang diberikan kepada dan diterima oleh orang yang:
 - a) Bukan Peserta Yang Layak dalam Kempen; atau
 - b) Adalah Peserta Yang Layak tetapi telah melakukan perbuatan penipuan atau yang salah berkaitan dengan Kad Kredit mereka dan/atau sebarang transaksi yang dibuat daripadanya;CIMB menyimpan hak untuk membatalkan kelayakan penyertaan orang tersebut daripada menyertai Kempen. Pulangan Tunai akan dilucuthakkan.
15. Akaun Kad Kredit CIMB Peserta Yang Layak ("**Kad Kredit**"):
 - a) MESTI sah dan/atau diaktifkan;
 - b) MESTI berada dalam kedudukan yang baik (good standing);
 - c) MESTI TIDAK akan melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB dan/atau Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks;
 - d) dan MESTI TIDAK tidak sah, dibatalkan atau ditamatkan.

pada masa penghantaran Pulangan Tunai/Hadiah, jika tidak Peserta Yang Layak akan hilang kelayakan daripada menerima Pulangan Tunai dan tidak berhak menerima apa-apa pampasan.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Umum

16. Peserta Yang Layak bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini
 - b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;

- d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai yang diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
17. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai jika semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum Pulangan Tunai dikreditkan:
- a) Peserta Yang Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
 - b) Kad Kredit Yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang; atau
 - c) Kad Kredit Yang Layak telah delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau CIMB.
18. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia ditentukan:
- a) mengganggu proses penyertaan; dan/ atau
 - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
19. CIMB menyimpan hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web; dan/ atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
 - (iii) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pulangan Tunai dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

20. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada:
- a) Penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Yang layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Tidak menerima atau kelewatan dalam menerima SMS oleh Peserta Yang Layak
- melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB.
21. a) CIMB menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/ atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
 - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/ atau
 - (iv) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB
- b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi.
 - c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
 - d) Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
22. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.
23. Peserta Yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB tidak menanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) Peserta Yang Layak menyertai kempen ini; dan/ atau
 - b) Peserta Yang Layak menerima, menebus atau menggunakan Pulangan Tunai; dan/atau
 - c) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
24. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit Yang Layak semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

25. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.
26. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.
27. a) Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon, dan emel:
- Alamat: CIMB Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338,
GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No Telefon: 603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com
- b) Peserta Yang Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen ini di nombor telefon” +603 6204 7788 atau emel kepada contactus@cimb.com
- c) CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.